

18/05/2002

Huraian Dr Mahathir perjelas pendirian Malaysia

DALAM lawatan terbarunya ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpeluang menjelaskan pendirian Malaysia dalam pelbagai isu. Dalam temu bualnya dengan wakil CNN, Zain Verjee, yang disiarkan awal pagi semalam, Perdana Menteri menghuraikan pelbagai perkara, termasuk isu yang dianggap sensitif. Berikut disiarkan sedutan temu bual berkenaan.

VERJEE: Sejauh mana kejayaan lawatan anda ke Washington?

DR MAHATHIR: Saya boleh katakan ia amat berjaya. Saya sudah berjumpa dengan pemimpin kerajaan, Presiden, senator, ahli kongres, ahli perniagaan dan media. Mereka semua memberi sambutan menggalakkan.

VERJEE: Apa yang anda bincangkan dengan Presiden Bush?

DR MAHATHIR: Sudah pasti isu keganasan dan cara kami melihat keganasan dan menanganinya.

VERJEE: Apakah isu lain yang dibincangkan, umpamanya perdagangan?

DR MAHATHIR: Ya, kami hanya menyentuh sedikit soal perdagangan, kemudian mengenai situasi di Asia Tenggara... Indonesia, Myanmar.

VERJEE: Ramai yang melihat kunjungan anda ini untuk memperbaiki hubungan dengan Amerika Syarikat. Apa pandangan anda mengenainya?

DR MAHATHIR: Dari satu sudut, ya. Tetapi saya fikir ia sudah dipulihkan selepas 11 September. Tanggapan terhadap Malaysia sudah berubah dan orang ramai mulai memahami mengapa perlu bagi kami mengambil langkah memastikan negara ini kekal aman dan stabil.

VERJEE: Mengapa anda fikir 11 September menjadi titik perubahan kepada Malaysia?

DR MAHATHIR: Kerana apa yang melanda Malaysia sebelum ini nampaknya turut memberi kesan kepada negara lain.

VERJEE: Seperti apa?

DR MAHATHIR: Seperti kemungkinan perlakuan ganas, gangguan, orang yang mungkin mengaku melaksanakan hak mereka tetapi kesudahannya mereka melanggar atau menafikan hak majoriti.

VERJEE: Ramai orang mengatakan anda mengambil tindakan keras terhadap penganas yang disyaki dalam kejadian 11 September. Amerika Syarikat sendiri menyenangi tindakan yang anda ambil. Anda muncul sebagai pemimpin sederhana dalam dunia Islam. Sekali lagi ia diterima baik oleh Amerika Syarikat dalam beberapa perkara yang anda katakan dan buat, khususnya sejak Amerika seolah-olah mengenepikan anda pada 1998, iaitu selepas perbicaraan dan hukuman dijatuhkan ke atas Anwar Ibrahim. Adakah anda keliru apabila AS menolak anda, Malaysia dan sekarang mendampingi Malaysia selepas 11 September?

DR MAHATHIR: Kita tidak bertindak terhadap mereka yang disyaki penganas selepas 11 September. Ia dilakukan sebelum itu lagi. Malah agak lama sebelum itu apabila kami mengetahui apa rancangan mereka. Apabila mereka menjalankan siasatan dan mengenal pasti siapa mereka ini, kami sudah pun mengambil tindakan ke atas mereka, menahan dan menyoal siasat mereka. Tetapi apabila peristiwa 11 September berlaku, tiba-tiba tindakan yang kami ambil di Malaysia menjadi relevan dengan apa yang terjadi di sesetengah tempat di dunia. Dan kami berupaya memberi beberapa maklumat mengenai kegiatan kumpulan ini di Malaysia dan kemungkinan kaitan mereka dengan kumpulan lain. Ia sudah pasti membantu orang ramai lebih memahaminya, terutama di Amerika, mengenai apa yang berlaku di Malaysia dan bagaimana ia berkait dengan apa yang berlaku di AS.

VERJEE: Saya ingin menyentuhnya sedikit lagi kemudian tetapi ia masih

berkisar mengenai AS. Adakah anda mengubah tanggapan terhadap AS? Adakah hubungan anda mengubah pandangan anda?

DR MAHATHIR: Ya, sudah tentu. Apabila AS menunjukkan ia mula faham apa yang berlaku di Malaysia, kami turut mengubah pandangan terhadap AS.

VERJEE: Anda agak kritikal terhadap AS sebelum ini.

DR MAHATHIR: Ya, kami memang kritikal kerana AS juga kritikal terhadap kami.

VERJEE: Apa kata kita bercakap mengenai peperangan terhadap pengganas, termasuk beberapa perkara dalam perbincangan anda dengan Bush. Sejauh mana seriusnya ancaman kegiatan keganasan di rantau Asia Tenggara? Adakah ia menawarkan satu ruang yang menggalakkan lagi kegiatan pengganas untuk beroperasi?

DR MAHATHIR: Ia tidak begitu serius. Kami masih boleh menanganinya tetapi kalau kami cuai dan tidak mengambil langkah berhati-hati, saya pasti ia menjadi satu masalah yang sangat serius kepada negara dan rantau ini.

VERJEE: Anda sudah pun menandatangani perjanjian (menentang keganasan) dengan Indonesia dan Filipina. Adakah anda fikir ia akan berkesan, khususnya adakah anda rasa kecewa dengan keengganan Indonesia bertindak ke atas pelampau?

DR MAHATHIR: Saya fikir perjanjian antara kami adalah sangat baik kerana kami boleh bertukar-tukar maklumat untuk cuba menjejaki mereka yang terbabit walau di mana juga mereka berada di ketiga-tiga negara ini. Saya tidak kecewa dengan Indonesia atau Filipina kerana mereka mempunyai masalah mereka sendiri dan mereka tidak boleh menanganinya dengan cara yang sama kami menanganinya di Malaysia. Mereka mempunyai masalah dari segi kekuatan sokongan terhadap kerajaan.

VERJEE: Mari kita bercakap mengenai situasi yang lebih khusus ketika itu di Malaysia. Ada pertalian di antara al-Qaeda, peristiwa 11 September dan juga Malaysia. Salah seorang daripada 20 perampas yang disyaki, Zacarias Moussaoui, dipercayai bertemu dua perampas dalam peristiwa 11 September di Malaysia. Sejauh mana anda mengambil berat bukti yang dikaitkan ini dengan peristiwa 11 September, atau sekurang-kurangnya ia dirancang di Malaysia?

DR MAHATHIR: Saya tidak fikir mereka merancangnya di Malaysia. Daripada apa yang kami temui, mereka berfungsi sebagai sel yang tidak mengetahui apa yang dilakukan sel yang lain. Saya sangsi sama ada mereka ada mendedahkan perkara yang mereka mahu lakukan sesama sendiri. Setiap satu nampaknya mempunyai misinya sendiri dan mereka yang ada di Malaysia hanya lebih cenderung untuk mengguling kerajaan (Malaysia). Barangkali mereka mengadakan pertemuan tetapi saya tidak tahu sama ada mereka membincangkan serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC).

VERJEE: Tetapi ia menunjukkan ia berlaku di Malaysia, perampas dalam peristiwa 11 September keluar dan masuk ke Malaysia. Ia secara tidak langsung menunjukkan Malaysia seperti sarang pengganas.

DR MAHATHIR: Tidak. Mereka (pengganas) juga berada di Switzerland. Dan saya fikir jika awak ingin mencari pusat, ia di sini, di AS kerana saya diberitahu mereka telah dilatih di sini dalam tempoh setahun. Jadi, di sini mereka merancang dan mengambil tindakan. Oleh itu, saya fikir ia bukan di Malaysia.

VERJEE: Dari satu sudut, anda katakan Malaysia bukan sarang pengganas seperti yang anda katakan tadi tetapi anda masih menangkap orang dan mendakwa mereka pengganas. Ia kelihatan bercanggah.

DR MAHATHIR: Tidak ada sedikit pun percanggahan kerana ini adalah sel-sel yang mengambil tindakan di Malaysia. Daripada maklumat yang kami himpunkan daripada mereka, tumpuan utama mereka ialah bagaimana untuk menjatuhkan Kerajaan Malaysia. Mereka tidak kelihatan berminat terhadap negara lain.

VERJEE: Tetapi sejauh mana anda tahu siapa sebenarnya pengganas dan siapa tidak? Siapa yang cuba menggulingkan kerajaan dan siapa yang tidak kerana dalam beberapa keadaan, kami lihat anda menahan orang tetapi tidak mengemukakan buktinya.

DR MAHATHIR: Apabila kami menahan orang, kami tidak melakukannya sewenang-wenangnya. Kami tahan mereka kerana kami mahu tahu apakah yang mereka buat dan kami perlu pulihkan mereka untuk membantu mereka. Dan mereka ini bila ditahan tidak hanya mengaku, malah mereka bangga memberitahu rancangan untuk menggulingkan kerajaan dengan cara paksaan dan bagaimana mereka mahu melakukannya.

VERJEE: Kebanyakan mereka kini menyatakan pengakuan mereka dibuat secara paksa bila mereka dipenjarakan. Mereka (mendakwa) diseksa, dizalimi dan dipaksa untuk membuat pengakuan.

DR MAHATHIR: Itu cuma andaian yang selalu dibuat mengenai mereka yang tidak tahu mematuhi undang-undang. Di Malaysia, kami menegakkan keluhuran undang-undang walaupun kami tidak dianggap di kalangan negara bertamadun di dunia.

VERJEE: Dalam usaha anda membendung keganasan, anda sebenarnya menggunakannya sebagai alasan untuk menutup mulut atau merendah-rendahkan pencabar anda.

DR MAHATHIR: Saya tidak pun perlu melakukan itu. Saya mendapat sokongan tiga perempat majoriti di Parlimen. Kami juga telah menang pilihan raya - pilihan raya yang adil - sepanjang masa dan kami juga pernah kalah pilihan raya. Dua daripada negeri kami kini di pihak pembangkang. Jadi, kami tidak perlu ambil peduli mengenai menyeksa orang, memaksa mereka membuat pengakuan atau seumpamanya. Sudah tentu, pihak yang meragui, anda boleh katakan apa saja yang anda suka, mereka akan terus mempertikaikannya. Mereka berhak untuk merasa ragu. Mereka akan katakan apa yang mereka mahu katakan kerana mereka pihak yang skeptikal.

VERJEE: Saya ingin menyentuh sedikit mengenai keraguan yang saya katakan tadi, tetapi baru-baru ini ada yang mengaitkan al-Qaeda dengan Malaysia yang difokuskan dalam laman web. Laman web itu menunjukkan gambar Osama bin Laden, mengandungi artikel dan dokumen yang ditandatangani oleh al-Qaeda. Malah, laman web itu menunjukkan video mengenai saat terakhir serangan 11 September dan lebih 18 video mengenainya. CNN baru menjejaki sebilangan laman web itu dan dua daripadanya didapati bersumber di Malaysia. Adakah anda tahu mengenainya? Dan jika anda tahu mengenainya, apa reaksi anda?

DR MAHATHIR: Saya tidak mengetahuinya. Tetapi saya percaya banyak laman web berasal dari Amerika sebenarnya.

VERJEE: Secara khususnya yang ini dikesan di Malaysia.

DR MAHATHIR: Jika awak boleh katakan itu mengenai Malaysia, awak juga boleh katakan perkara yang sama mengenai Amerika.

VERJEE: Adakah pihak berkuasa Malaysia akan menyiasat perkara ini dengan serius?

DR MAHATHIR: Kita dapati adalah sukar untuk mengesan orang yang menggunakan Internet untuk menyebarkan banyak kelucahan.

VERJEE: Dalam tempoh lebih 20 tahun memegang kuasa, anda mempunyai penyokong dan pengkritik. Anda digambarkan dengan banyak cara. Berikut adalah beberapa contoh. Mahathir Mohamad ada dalam senarai hitam setiap kumpulan hak asasi manusia yang utama di dunia. Jawatankuasa perlindungan wartawan menyatakan anda adalah musuh terburuk media. Jabatan Negara AS bercakap mengenai terhakisnya kebebasan kehakiman di bawah kepemimpinan anda. Agak banyak kritikan dilemparkan terhadap anda. Apa reaksi anda?

DR MAHATHIR: Saya mengkritik media, akhbar dan sebahagian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan saya tidak mengharap mereka memuji saya. Saya tidak kisah apa yang mereka katakan terhadap saya. Apa yang penting ialah

rakyat Malaysia percaya kepada saya dan mereka mengundi saya untuk memerintah setiap kali saya menghadapi pilihan raya dan saya sudah menghadapi lima pilihan raya.

VERJEE: Kebanyakan daripada kritikan yang menyumbang asas kepada tuduhan sedemikian terhadap anda ialah apa yang dikenali sebagai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Terdapat persoalan dan kebimbangan mengenainya. Mengenai bagaimana anda menggunakannya apabila anda menghadapi masalah. Bagaimana anda menggunakannya untuk kekal berkuasa.

Bagaimana anda menggunakannya terhadap pencabar anda yang seolah-olah memberikan anda 'kad hijau' untuk menguatkuasakannya serta menyekat pembangkang.

DR MAHATHIR: Itulah yang gemar mereka katakan tetapi jika anda melihat cara ISA dilaksanakan, sebenarnya sejak saya menjadi Perdana Menteri, kira-kira 800 orang dibebaskan atas arahan saya, termasuk mereka yang ditahan oleh pemimpin sebelum saya. Jika saya takut kepada mereka ini, saya tidak akan membebaskan mereka dan saya tidak ada keperluan untuk melakukan ini. Anda boleh lihat pada setiap pilihan raya, saya menang tanpa banyak kesukaran. Sudah ada cubaan untuk menolak saya ke tepi dan mengambil alih kepemimpinan parti saya tetapi mereka gagal.

VERJEE: Kenapa tiada seorang pun daripada mereka (tahanan ISA) didakwa?

DR MAHATHIR: Tentulah mereka tidak didakwa kerana undang-undang menyatakan tidak ada tuduhan yang harus dipilih kerana ini adalah penahanan. Satu langkah penahanan, satu langkah pencegahan. Satu langkah pencegahan adalah satu langkah yang dilaksanakan sebelum sesuatu jenayah dilakukan.

VERJEE: Masalah utamanya ialah ia membenarkan anda, seperti dikatakan mereka, untuk menjadi tidak demokratik.

DR MAHATHIR: Tentulah mereka akan berkata demikian. Tetapi jika mereka yang memegang kuasa, mereka akan menggunakan undang-undang yang sama.

VERJEE: Perkara pokoknya ialah anda yang berkuasa.

DR MAHATHIR: Undang-undang itu sudah sedia wujud dan digunakan oleh perdana menteri pertama, perdana menteri kedua, perdana menteri ketiga dan mereka menggunakan undang-undang ini secara lebih kerap daripada saya. Anda boleh menyemak rekodnya.

VERJEE: Tetapi adakah ia menjadikannya sesuatu yang betul?

DR MAHATHIR: Saya mempunyai tanggungjawab terhadap negara. Undang-undang diwujudkan untuk melindungi kepentingan negara, bukan kepentingan saya.

VERJEE: Ada enam pemimpin pembangkang yang anda tahan, saya percaya April tahun lalu. Mereka akan dibebaskan dan mereka mendakwa tidak diberi hak dibicarakan, tiada waran tangkap dan tiada sebab kecuali mereka mendakwa Mahathir Mohamad tidak memerlukan kami dan menggunakan ISA untuk mendiamkan kami.

DR MAHATHIR: Ini adalah sedikit salah faham pembangkang.

VERJEE: Jika sedikit kenapa anda buat juga?

DR MAHATHIR: Kerana mereka telah melakukan kesalahan, mereka langgar undang-undang dan melakukan sesuatu yang menyebabkan mereka disyaki melakukan perkara yang tidak baik untuk negara.

VERJEE: Tetapi tidak seorang pun daripada mereka yang didakwa. DR MAHATHIR: Memang betul mereka tidak didakwa.

VERJEE: Tidakkah anda mempunyai tanggungjawab untuk menggalakkan demokrasi dalam negara dan membenarkan mengikuti prosesnya, membenarkan rakyat menggunakan hak dalam perbicaraan.

DR MAHATHIR: Ada prosesnya. Apabila kita mendakwa seseorang dalam perbicaraan, sekali lagi, kita dituduh memanipulasi sistem kehakiman. Anda tidak akan betul. Mereka ini, jika kita tunjukkan sekeping kertas putih dan kita katakan yang ia putih, mereka akan tetap mengatakannya hitam. Oleh itu, bagaimana kita mahu menjawab orang seperti ini?

VERJEE: Enam tahanan itu baru-baru ini membuat kenyataan dan disiarkan dalam Human Rights Watch. Mereka berkata Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri, sedang kritikal. Mereka berkata, beliau menghidap sakit tulang belakang yang serius akibat dipukul dengan teruk.

DR MAHATHIR: Anda percaya?

VERJEE: Tidak, saya minta anda menjawab soalan ini. Mereka kata Anwar Ibrahim ingin menjalani rawatan di luar negara. Adakah anda akan benarkan?

DR MAHATHIR: Ada seorang doktor yang datang memeriksa beliau setahun yang lalu, yang mendakwa Anwar akan mati jika tidak menjalani rawatan di luar negara. Sekarang, dah lebih setahun, dia masih lagi hidup.

VERJEE: Apa yang menjadi persoalan ialah Anwar, musuh politik anda, tidak diadili dengan baik. Proses kehakiman tidak adil dan anda dikatakan menggunakan peluang itu untuk menghapuskan seseorang yang anda berasakan memberi ancaman kepada anda. Apa komen anda?

DR MAHATHIR: Anwar bukan satu ancaman kepada saya.

VERJEE: Apakah ancaman kepada anda? Anwar bukan ancaman kepada anda?

DR MAHATHIR: Bukan... dia bukan ancaman kepada saya.

VERJEE: Jika begitu, mengapa anda tidak benarkan beliau bercakap dan menyuarakan pendapatnya dengan bebas?

DR MAHATHIR: Dia boleh cakap apa yang dia mahu. Selama ini pun, dia menyampaikan pendapatnya melalui tulisan dalam Internet... menulis cerita karut mengenai kerajaan. Kita tidak pernah menghalang.

VERJEE: Mari kita beralih kepada isu Timur Tengah, satu isu yang anda sering lantang bersuara. Anda dipuji Amerika Syarikat kerana mengetengahkan pendirian sederhana di rantau berkenaan, anda mengkritik perbuatan pengeboman berani mati. Apakah yang anda rasakan perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah di Timur Tengah ini.

DR MAHATHIR: Kita perlu lihat dan teliti apa punca mereka berkelakuan begitu. Mengapa mereka terbabit atau sanggup melakukan perbuatan berani mati ini. Kita perlu kenal pasti punca kepada masalah ini dan mengatasinya. Kita perlu bertindak. PBB perlu masuk campur dan menamatkan pertempuran ini. Sempadan di antara Israel dan Palestin juga harus ditentukan dan wilayah kedua-dua negara ini perlu diketahui semua pihak.

VERJEE: Mengapa kita tidak mendengar pandangan seperti ini daripada pemimpin Islam yang lain? Mengapa mereka tidak bersuara?

DR MAHATHIR: Mereka bersuara tetapi tiada gunanya mereka memperkatakan perkara itu kerana mereka mungkin tidak mendapat sokongan daripada rakyat mereka sendiri.

VERJEE: Adakah anda berpendapat tindakan rakyat Amerika yang menyokong kerajaan Islam kuku besi menjejaskan usaha kerajaan Amerika untuk mendapat sokongan negara Islam yang sederhana ini?

DR MAHATHIR: Tiada komen.

VERJEE: Adakah anda berasakan Amerika dapat melakukan lebih baik untuk mendapatkan sokongan negara Islam yang sederhana ini?

DR MAHATHIR: Setiap orang boleh berbuat lebih baik daripada apa yang dilakukan sekarang.

VERJEE: Anda adalah pemimpin negara Islam. Apakah yang anda rasakan apabila pemimpin Islam lain tidak menentang pengebom berani mati seperti yang anda lakukan? Atau menggunakan isu Israel-Palestin untuk melarikan diri daripada masalah dalaman mereka? Adakah perkara ini mengganggu anda?

DR MAHATHIR: Saya tidak mahu komen. Mereka mungkin ada masalah sendiri.

VERJEE: Tetapi, anda mesti ada pandangan bukan?

DR MAHATHIR: Saya ada pandangan, menyentuh mengenai Malaysia dan pendirian kami.

VERJEE: Oleh itu, anda rasakan mereka tidak mempunyai perkara lain selain bergantung kepada keadaan di Timur Tengah?

DR MAHATHIR: Mungkin.

VERJEE: Mungkin ya? Ada lagi yang boleh mereka lakukan?

DR MAHATHIR: Ya... ya.

VERJEE: Seperti apa?

DR MAHATHIR: Seperti mereka boleh sependapat dalam isu inidan membuat keputusan.

VERJEE: Bagaimana anda melihat peranan anda sebagai pemimpin di kalangan negara Islam? Maksud saya, adakah anda berasakan suara kesederhanaan dalam Islam akan membawa perubahan, seperti dalam menyelesaikan krisis di Timur Tengah?

DR MAHATHIR: Saya tidak melihat diri saya sebagai pemimpin negara Islam. Saya adalah pemimpin Malaysia. Saya tidak bercita-cita untuk menjadi pemimpin negara Islam.

VERJEE: Mari kita sentuh mengenai ekonomi Malaysia. Malaysia meletakkan sasaran 3.5 peratus pertumbuhan ekonominya. Adakah ini akan menjadi kenyataan?

DR MAHATHIR: Ya. Ada pihak yang beranggapan Malaysia akan melakukan lebih baik, tetapi setakat ini, kita masih yakin sasaran 3.5 peratus pertumbuhan ekonomi ini akan menjadi kenyataan.

VERJEE: Apakah yang anda pelajari daripada krisis ekonomi Asia, terutama krisis 1997? Bagaimana negara membangun boleh berhadapan dengan situasi begini?

DR MAHATHIR: Saya belajar untuk tidak mengikut nasihat orang lain tanpa menelitinya terlebih dulu dengan berhati-hati. Hasilnya, kita dapati nasihat yang diberikan memang tidak berguna dan kita mencari jalan sendiri untuk menyelesaikan masalah ini.

VERJEE: Baru-baru ini anda mengarahkan pembelian kereta kebal Poland dan kapal selam Perancis. Bulan lalu, anda membeli sistem pertahanan dari Britain dan Russia dan dengar khabarnya, dalam lawatan ke Amerika kali ini, anda mahu membeli jet pejuang Amerika. Melihatkan skop pembelian ini, dapat disimpulkan yang anda ingin memperluaskan pengaruh anda di rantau anda. Ada pendapat menyebut sistem ketenteraan yang kuat boleh menyumbang kepada keutuhan ekonomi Malaysia. Apakah sebabnya anda bertindak begini?

DR MAHATHIR: Kita memang mempertingkatkan keupayaan ketenteraan kita dan disebabkan Malaysia kini mempunyai lebih banyak wang daripada sebelumnya, sudah pasti kita membeli segala peralatan yang baru dan kita akan beli lebih banyak. Persoalannya, berapa banyak wang yang dibelanjakan. Peruntukan Malaysia untuk pertahanan memang sangat rendah. Di Malaysia, 20 peratus daripada peruntukan kerajaan disalurkan kepada pendidikan. Ini keutamaan kita, bukan ketenteraan, bukan senjata.

VERJEE: Apa pandangan anda mengenai kebangkitan China sebagai satu kuasa besar?

DR MAHATHIR: Tiada apa-apa masalah. Kita berkawan baik dengan China.

VERJEE: Adakah anda berpendapat AS perlu mengekalkan kuasa ketenteraannya di rantau ini?

DR MAHATHIR: Saya tidak percaya kehadiran tentera akan membantu. Anda hanya akan membuat China bimbang. Anda akan membuatkan mereka berasakan mereka akan menjadi musuh masa depan dan apabila anda melayan mereka sebagai musuh masa depan, bermakna mereka akan menjadi musuh anda sekarang.

VERJEE: Baru-baru ini Malaysia menyekat kemasukan pekerja asing di Malaysia dan perkara ini mendapat liputan akhbar berminggu-minggu lamanya. Mengapa baru kini anda bertindak begini?

DR MAHATHIR: Tiada kerja di Malaysia ketika ini. Mereka memasuki Malaysia secara haram dan apabila mereka tiada pekerjaan, ada yang terbabit dalam jenayah. Oleh itu, tiada sebab mengapa kita perlu benarkan mereka menetap di negara ini kerana mereka hanya akan menjadi beban kepada rakyat serta menjejaskan keamanan negara ini.

VERJEE: Tetapi, ada pendapat mengatakan yang Malaysia memerlukan pekerja asing ini.

DR MAHATHIR: Kita memerlukan sebahagian saja... bukan semua.

VERJEE: Tetapi ada juga laporan yang mendakwa anda bersikap kejam terhadap pendatang tanpa izin ini.

DR MAHATHIR: Ya... memang ini betul (dalam nada sinis).

VERJEE: Kejam dalam setiap perbuatan?

DR MAHATHIR: Kita memang bertindak kejam terhadap semua orang (sekali lagi dalam nada sinis). Anda dialu-alukan untuk datang dan melihat sendiri bagaimana mereka ini diperlakukan.

VERJEE: Anda dilihat mengambil tindakan terhadap mereka yang mengkritik anda, seperti yang dikatakan tadi, kita bercakap mengenai ISA, Anwar Ibrahim. Nampak sangat ada yang isu sensitif dan menyakitkan hati anda. Kenapa anda fikir kritikan dilemparkan kepada anda jika ia tidak benar?

DR MAHATHIR: Kerana kita mengkritik mereka yang bercakap bohong, cakap bohong mengenai kita. Itu sebab mereka marah kepada kita. Misalnya, dua akhbar selalu mengulangi, setiap kali memperkatakan mengenai Malaysia, mereka kata, "Akhbar dikawal kerajaan". Dan akhbar berkenaan, The International Herald Tribune dan The Asian Wall Street Journal dicetak di Malaysia, dijual di Malaysia, di negara ini mereka tidak pernah ditapis atau disentuh. Dan mereka masih mengatakan "akhbar dikawal kerajaan". Mereka enggan melihat akhbar di negara ini yang banyak mengkritik kerajaan.

VERJEE: Soalan terakhir. Anda sudah menjadi pemimpin negara sejak 21 tahun yang lalu. Melihat kembali kepada kepemimpinan anda, dari segi peribadi, adakah ada apa-apa yang anda akan buat berbeza.

DR MAHATHIR: Tidak begitu banyak. Saya fikir saya akan buat perkara yang sama.

(END)